



GARIS PANDUAN CAPAIAN INTERNET

Edisi 01 (2019)



KANDUNGAN

1.0	TUJUAN.....	2
2.0	SKOP	2
3.0	CAPAIAN LAMAN.....	2
4.0	KUOTA LEBAR JALUR (BANDWIDTH)	3
5.0	PENYALAHGUNAAN CAPAIAN.....	3
6.0	PENAFIAN	4

1.0 TUJUAN

Garis Panduan ini bertujuan melahirkan pengguna internet yang beretika dalam usaha mengawal penyalahgunaan sumber ICT.

2.0 SKOP

Garis Panduan merangkumi semua penggunaan internet dan tidak terhad kepada capaian laman web, pemindahan data atau maklumat dan perbincangan melalui *list group* atau *chat room*.

3.0 CAPAIAN LAMAN

- a) Laman-laman yang boleh dilayari, dilanggan dan diguna adalah berbentuk akademik dan pengetahuan. Laman yang berbentuk keganasan, lucah, hasutan dan yang boleh menimbul atau membawa kepada keganasan, keruntuhan akhlak dan kebencian adalah tidak dibenarkan sama sekali.
- b) Capaian laman sosial seperti *facebook, twitter dan Instagram* atau laman yang berbentuk hiburan, hobi atau *leisure* seperti laman *game online, radio online* dan *video streaming* tidak digalakkan untuk dilayari pada waktu pejabat iaitu di antara pukul 8.00 pagi hingga 5.00 petang kerana ia menyebabkan bebanan kepada lebar jalur (*bandwidth*) rangkaian UPMNet disamping menyebabkan tahap produktiviti pengguna menurun.
- c) Pihak iDEC selaku pusat tanggungjawab yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab hal ehwal teknologi maklumat dan komunikasi Universiti berhak untuk melaksanakan kaedah kawalan yang sesuai untuk mengawal dan memantau kapasiti lebar jalur (*bandwidth*) capaian Internet UPM bagi membolehkan capaian rangkaian Internet boleh digunakan secara optima.
- d) Pihak iDEC selaku pusat tanggungjawab yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab hal ehwal teknologi maklumat dan komunikasi Universiti berhak untuk melaksanakan tapisan dan '*sniffing*' terhadap paket data yang melalui sistem rangkaian UPMNet bagi tujuan pemantauan aktiviti rangkaian dan keselamatan data di dalam sistem rangkaian UPMNet.
- e) Permohonan untuk mencapai laman web yang disekat atau dikawal hendaklah dengan memohon di dalam Sistem SPICT UPM (www.spict.upm.edu.my). Capaian laman web ini hanya boleh dilakukan di lokasi yang dibenarkan sahaja.

- f) Melayari internet tanpa tujuan atau meninggalkan capaian internet *unattended* adalah amat tidak beretika dan tidak digalakkan kerana ianya boleh menyebabkan kesesakan rangkaian UPM.
- g) Pihak iDEC berhak untuk berhak menapis, menghalang dan menegah penggunaan mana-mana laman web yang dianggap tidak sesuai.

4.0 KUOTA LEBAR JALUR (BANDWIDTH)

Kuota lebar jalur dilaksanakan dengan mengenakan kawalan terhadap kelajuan capaian dan juga kuantiti peranti yang dibenarkan. Jadual di bawah menunjukkan cadangan penetapan kouta Lebar Jalur untuk setiap kategori pengguna UPMNet.

User Type	Bill cycle	Base speed	Base quota	Throttle speed	Device quota
Staf	Randomized on the first time of login	15Mbps	60GB	2Mbps	2
Student		8Mbps	30GB	2Mbps	2
Guest		2Mbps	10GB	1Mbps	1

Kapasiti kuota yang ditetapkan ini boleh dipertimbangkan untuk perubahan berdasarkan samada analisis penggunaan semasa, permohonan atau keperluan pengguna.

5.0 PENYALAHGUNAAN CAPAIAN

- a) Pengguna dilarang mengganggu atau mencero boh laman web mana- mana jabatan, organisasi atau negara.
- b) Pengguna dilarang memasuk, menyalin, menyclak, mencetak dan menyebarkan maklumat daripada internet yang menyalahi undang- undang negara.
- c) Sekiranya pengguna didapati tidak mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan, pihak iDEC tidak teragak-agak untuk menarik balik kemudahan internet yang telah diberikan dan pengguna boleh dikenakan tindakan yang bersesuaian.

6.0 PENAFIAN

Jawatankuasa Teknologi Maklumat dan Komunikasi (JKKTMK), Universiti Putra Malaysia tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang liabiliti, kerugian data atau harta benda yang berkaitan dengan sebarang maklumat yang terkandung di dalam Garis Panduan ini dan yang diperolehi daripada sebarang sumber yang berkaitan dengannya. Sebarang maklumat yang terkandung adalah hak milik Jawatankuasa Teknologi Maklumat dan Komunikasi (JKKTMK), UPM dan tertakluk kepada perubahan meskipun tanpa notis. Sila hubungi kami jika terdapat sebarang kekeliruan, pertanyaan, masalah atau isu berkaitan ICT. Segala kandungan adalah juga termaktub di bawah penafian dan peraturan pihak Universiti Putra Malaysia.